

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 36 RABU 5HB. SEPTEMBER, 1973

1393 رابو 7 شعبان

PERCHUMA

D.Y.M.M. MERASMIKAN SEKOLAH ANAK2 ANGGOTA TENTERA

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat merasmikan Sekolah Anak2 Anggota Tentera di-batu 4½, Jalan Seria/Belait pada hari Selesa minggu lalu.

Gambar kanan menunjukkan Duli Yang Maha Mulia membuka tirai penutup papan tanda perasmian sekolah tersebut. Di sebelah kanan ia-lah Pegawai Pemerintah Pasokan ke-6 Queen Elizabeth Own Gurkha Rifles, Lt. Col. C.J. Scott.

Terdahulu sa-belum itu pada hari yang sama, Duli Yang Maha Mulia telah berangkat dengan helikopter kekawasan menembak di-Bintuaran Daerah Tutong untuk menyaksikan satu tunjukchara menyerang dan mempertahankan dalam peperangan.

Sa-masa berada di-sana, Duli Yang Maha Mulia juga telah menembak satu sasaran sa-jauh ¾ batu (1,150 meter) dengan menggunakan 120mm combat anti-tank gun dan mengenakan sasaran itu hanya dengan satu tembakan (gambar bawah).



Tanggung-jawab ibu-bapa memberi perhatian penoh pelajaran anak2 mereka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin menyeru ibu-bapa dan penaja murid2 supaya memberikan perhatian berat kepada anak2 mereka supaya lebih giat lagi belajar termasuk pembacaan kitab suci Al-Quran.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja membuat seruan itu dalam ucapan-nya sa-belum merasmikan pembukaan Peraduan Membaca Quran Peringkat Daerah Brunei-Muara yang berlangsung di-Sekolah Melayu Lela Menchanai, Kampong Ayer pada hari Jumaat lepas.

Yang Berhormat menyatakan bahawa oleh sebab masa anak2 belajar di-sekolah ada-lah terhad dan guru2 tidak-lah dapat memberikan perhatian sepenuh-nya kepada mereka, maka ada-lah menjadi tanggung-jawab ibu-bapa dan penaja murid2 untuk memberikan perhatian berat dan galakan dan memastikan anak2 mereka mendapat pelajaran yang baik dan didekan yang sempurna demi kepentingan mereka, masyarakat dan negara.

Menyentuh mengenai pergerakan dan kegiatan2 kebajikan yang dilaksanakan oleh beliau2, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain berkata bahawa kegiatan2 itu ada-lah memboktikan yang mereka mempunyai inisiatif yang berguna dan berharga terhadap Kerajaan Duli Yang

(Lihat Muka 8)

17 orang penuntut dapat dermasiswa dari Shell

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah memberikan dermasiswa baru kepada 17 orang penuntut Brunei bagi tahun 1973.

Dua orang penuntut menerima dermasiswa bagi Sijil Pelajaran Malaysia. Tiap2 dermasiswa itu bernilai \$500.00 sa-tahun.

Dermasiswa bagi Sijil Tinggi Persekolahan di-berikan kepada Awang Lee Kui Boon dan Awang Sharbini bin Batang, kedua2-nya dari Maktab SOAS, Bandar Seri Begawan.

Mereka yang menerima der-

masiswa bagi Sijil Pelajaran Malaysia ia-lah Awang Gapor bin Ahad, Dayang Sanah binte Tamit, Dayangku Rosni binte Pengiran Bakar dan Dayang Norsiah binte Metussin, kesemua-nya dari Maktab SOAS, Bandar Seri Begawan.

Awang Samuil bin Mohedin, Awang Ramli bin Janai, Awang Johor bin Khamis, Dayang Liaw Yun Lee, Awang Zaini bin Harun, kesemua-nya dari Maktab Anthony Abell, Seria.

Dayang Voon Ngee Mui, Dayang Ping Aye Hwa dari

Sekolah Convent Saint Angela, Seria.

Dayang Kong Lee Lee dari Sekolah Saint Margaret, Seria.

Dayang Chen Yun Kim, Awang Zaini bin Othman dan Awang Suhaili Abang dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.

Sa-lain dari dermasiswa baru itu, 15 dermasiswa bagi Sijil Pelajaran Malaysia telah diperbaharui, dan jumlah perbelanjaan pembaharuan dermasiswa itu bagi tahun 1973 ia-lah \$16,000.00

Putusan perlawanan chator sa-negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. Piala rebutan yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Kejohanan Chator Negeri Brunei telah di-menangi oleh Awang Ismail Eusoff.

Awang Ismail Eusoff juga memenangi piala tersebut dalam tahun 1970 sementara dalam tahun 1971 dan tahun lepas piala tersebut telah di-menangi oleh Awang Anthony Chin.

Kejohanan Chator itu telah diadakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan sa-bagai sa-bahagian dari acara sambutan hari keputeraan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Naib johan ia-lah Pengiran Hj. Ismail bin Pengiran Haji Damit dan Awang P.S. Somasundaram pemenang ketiga.

Hadiah2 sagu hati telah diberikan kepada Awang Anthony Chin, Awang Ibrahim Haji Mohamed Ali, Awang Mohamed Annawi Haji Abdul Halim, Awg. Sulaiman Mohamed Noor dan Awangku Abdul Rahman bin Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusoff.

Kejohanan Chator Brunei Bahagian Junior bagi piala rebutan hadiah dari Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Dato Setia Awang Haji Mohamed Noor — Johan di-menangi oleh Awang Zaini Haji Mohamed Ali, naib johan — Awang Mohamed Taha Haji Mohamed Tahir dan pemenang ketiga ia-lah Awang Hedus bin Dollah.

Hadiah2 sagu hati telah diberikan kepada Awang Mohamed bin Pehin Udana Khatib Haji Tamin, Awang Kamaruddin Haji Abdul Wahab, Awang John R. De Cruz dan Awang Abdul Rahman Hassan.

Kejohanan Chator Wanita Brunei bagi memenangi piala rebutan hadiah dari Awang Haji Ibrahim bin Pehin Perdana Wangsa Haji Mohamed. — Johan — Dayang Aisah Majid, naib-johan — Hajjah Meriah Haji Abdul Latif dan ketiga Malai Noridah Sheikh Mohamed.

Hadiah2 sagu hati telah diberikan kepada Dayang Adinah Mohamed Yusoff, Dayangku Jamilah Pengiran Othman dan Dayang Jasmin Owen.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibun Nabalal Pengiran Haji Damit bin Pengiran Metussin.



Y.A.M. Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibun Nabalal Pengiran Haji Damit bin Pengiran Metussin menyampaikan piala rebutan kurnia D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan kepada Awang Ismail Eusoff (gambar atas). Manakala gambar bawah Yang Amat Mulia itu menyampaikan piala kejohanan kepada Dayang Aisah yang menjadi johan chator bahagian perempuan.



DULI yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah memperkenankan anugerah Gelaran Hulubalang kepada dua orang Anggota Askar Melayu Diraja Brunei.

Mereka ia-lah Mulia Awang Hj. Abdul Rahman bin Bakar dan Yang Mulia Awang Ahmad bin Masri.

Istiadat yang di-adakan di-Surau Istana Darul Hana itu telah dilaksanakan di-hadapan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohamed Bolkiah.

Gambar bawah menunjukkan Awang Haji Abd. Rahman (kiri) dan Awang Ahmad bin Masri ketika menjunjung anugerah gelaran dalam istiadat yang berlangsung di-Surau Istana Darul Hana pada minggu lalu.

Perbarisan tamat latehan AMDB

BERAKAS. — Satu upacara perbarisan tamat latehan rekrut2 baru Askar Melayu Diraja Brunei pengambilan ke-29 akan di-langsungkan pada hari Jumaat 28hb. September, bertempat di-Perkhemahan Berakas.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz akan memeriksa barisan dan menerima tabek kehormatan.

Sanak saudara, sahabat handai kepada rekrut2 tersebut akan di-sediakan kenderaan dari Bandar Seri Begawan kemahan Berakas untuk menyaksikan upacara perbarisan tamat latehan itu.

Kenderaan tersebut akan bertolak dari Bangunan Setia Usaha Kerajaan pada pukul 7.30 pagi. Sa-telah upacara perbarisan itu, mereka akan di-bawa ke-Perkhemahan Bolkiah untuk minuman rangan sa-belum di-bawa balek ke-Bandar Seri Begawan.

Tarikh penutup di-lanjut hingga 21hb. September

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tarikh penutup peraduan penulis skrip drama anjoran Persatuan PERANGKAB di-lanjutkan hingga 21hb. September ini.

Ini ada-lah bertujuan untuk memberi peluang supaya lebih ramai lagi penulis2 (tempat menyertai peraduan itu). Persatuan PERANGKAB sa-takat ini telah menerima lapan buah skrip drama.

Drama2 itu akan di-jadikan buku untuk bacaan orang2 dewasa yang terbahagi kepada dua bahagian ia-itu bahagian moden yang berthemakan Rancangan Kemajuan Negara yang baru dan bahagian lama berthemakan Sejarah Kechemerlangan Brunei.

Mereka yang ingin menyertai peraduan tersebut, boleh-lah menghantar skrip2 mereka kepada Che'gu Awangku Metassan bin Pengiran Mohiddin di-Maktab SOAS Junior, Che'gu Abdul Rahman bin Yusoff di-Sekolah Melayu Lela Menganai, Awang Abdul Wahab bin Tengah di-Jabatan Kebajikan Masyarakat, Awang Alidin bin Othman di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Awang Ahmad bin Ghafar di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka dan Che'gu Sharbini bin Mohamed Yassin di-Sekolah Melayu Mohammad Alam, Seria.

20 orang terima sijil

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 20 orang guru dari Sekolah2 Rendah Melayu telah menerima sijil2 mereka sa-telah menamatkan kursus Hisab Moden sa-lama 10 hari di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan pada hari Sabtu lepas.

Upacara penutup kursus itu telah di-lakukan oleh Pemangku Pengarah Pelajaran Dato A.D. Bumford sementara sijil2 telah di-sampaikan oleh Awang Peter Chivers dan Awang Bob Williams.

Awang Peter Chivers dan Awang Bob Williams, kedua2-nya pakar Ilmu Hisab dari Oxford, England yang di-jemput khas ka-Brunei untuk mengelolakan kursus itu.

Mereka telah di-bantu oleh tiga orang guru tempatan, Awang Abdul Rahman bin Razali, Dayang Misli binte Haji Awang dan Awang Yap Chin Hee.



J/K Tabong Anak2 Yatim di-bentok

BANGAR, TEMBURONG. — Satu mashuarat telah di-adakan di-Pekan Bangar, Temburong baru2 ini untuk membentok sa-buah jawatankuasa Tabong Anak2 Yatim di-daerah itu.

Awang Yunus bin Haji Hussain, Pegawai Daerah Temburong telah di-lantek menjadi Pengerusi dan Awang Haji Abdul Salam bin Abdul Razak, Kadhi Daerah Temburong, selaku Naib Pengerusi.

Ahli2 lain yang di-lantek dalam mashuarat itu ia-lah Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Abu Bakar bin Haji Safar selaku Pengawas Umum, Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Momin, selaku Setia Usaha, Awang Omar bin Adis selaku Penolong Setia Usaha, Awang Ibrahim bin Abdullah dan Awang Julaihi bin Sulaiman selaku pemeriksa kira2.

PADA masa kebelakangan ini sa-tengah2 orang ramai heboh tentang hantu, konon-nya ada menjelma dan membuat kachau dan gempar. Dari mana asal mula-nya serta benar tidak-nya berita itu hingga menjadi buah mulut perchakapan di-sana sini tidak-lah pula dapat di-pastikan. Yang jelas perkara hantu ini nampak-nya menjadi tajok perchakapan yang agak menarek bagi sa-tengah2 orang sekalipun kebenarannya maseh di-ragukan.

Dalam hubungan ini chuba kita teliti beberapa huraian dari Al-Quran mengenai makhlok ghaib yang di-sebutkan sa-bagai jin, iblis dan shaitan. Makhlok2 ini menurut Al-Quran semua-nya termasuk dalam golongan jin yang di-jadikan Tuhan daripada api. Dalam surah Al-Rahman Tuhan ada berfirman yang bermaksud:

"Dan dia (Allah) telah menjadikan jin dari marikh daripada api yang sangat ber-nyala".

Dalam surah Al-Hajar Tuhan telah berfirman yang bermaksud:

"Dan jin, kami jadikan sebelum dari api nar semum yang sangat panas".

Keadaan alam jin ada-lah seperti keadaan alam lain mengandongi berbagai2 bangsa dan kumpulan. Menurut tabiat-nya anggota di-dalam kumpulan2 dan bangsa2 ada-lah berlainan antara satu dengan lain.

Sa-bagai mana bangsa2 itu mengandongi berbagai2 golongan seperti yang salih amana, yang burok kejam, yang mu'min bertaqwa, yang kafir sesat dan jahat, begitu juga alam jin mengandongi golongan2 yang beriman kepada Allah, jujur dan ikhlas di-dalam iman dan amal salih mereka, di-samping terdapat juga iblis yang juga di-kenal sa-bagai shaitan di-kutok berserta tentera2 dan kunchu2-nya yang sesat dan menyesatkan.

Hadiah2 untuk mualaf

BANDAR SERI BEGAWAN. Pengelola Baitul Mal Zakat dan Fitrah Majlis Agama Islam Brunei, Awang Haji Mohamed Tahir bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar telah menyeru semua orang2 yang baru memelok agama Islam di-Brunei, supaya belajar dan beramal mengikut ajaran Islam.

Beliau membuat seruan itu dalam satu majlis penyampaian hadiah2 bagi lima orang mualaf di-bilek Majlis Agama

Bebeberapa huraian Al-Quran mengenai makhlok ghaib



KHUTBAH JUMA'AT

Sa-bagaimana manusia, jin juga di-jadikan supaya menyembah Allah Subhanahu Wataala dan patoh kepada perintah2-nya. Manusia tidak boleh menyembah jin dan jin tidak boleh menyembah manusia. Firman Allah di-dalam Surah Az-zariah yang bermaksud:

"Aku tiada menjadikan jin dan manusia itu melainkan supaya mereka menyembah ku".

Sa-bagai suatu rahmat keatas makhlok-nya, Allah yang maha berkuasa mengutuskan Rasul2 ka-alam jin dari golongan mereka sendiri untuk memberi pertunjuk dan menyampaikan perintah2 Allah sa-bagaimana dia mengutus-

kan Rasul2 dari golongan manusia kepada umat manusia.

Di-dalam surah Al-An'am Tuhan berfirman yang bermaksud:

Wahai sekalian jin dan manusia, bukankah utusan2 (Tuhan) dari golongan kamu sendiri sudah datang kepada kamu, mencheritakan keterangan2 ku dan memberikan peringatan kepada kamu untuk menemui hari ini? Mereka mengatakan: Kami menjadi saksi akan kesalahan diri kami sendiri. Mereka telah tertipu oleh kehidupan dunia dan mereka menjadi saksi atas diri mereka sendiri, bahawa mereka itu ada-lah orang2 yang tidak beriman".

Peraduan kuiz sekolah2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Penguasa Pelajaran Melayu, Awang Abdul Razak bin Muhammad telah merasmikan peraduan kuiz bagi sekolah2 rendah dan menengah Melayu yang telah berlangsung di-Sekolah Melayu Pusu Ulak, Bandar Seri Begawan pada hari Ahad lepas.

Awang Abdul Razak menguchapkan tahniah kepada peserta yang berjaya dalam peraduan tersebut dan menyeru pehak yang tidak berjaya supaya menchuba lagi pada tahun2 yang akan datang.

Beliau menerangkan antara lain peraduan itu ia-lah untuk memberi peluang kepada peserta2 untuk berfikir dengan chepat dan menjawab dengan tepat dan juga menggalakkan mereka rajin belajar dan berusaha untuk mendapatkan pe-

lajaran tinggi dan ilmu pengetahuan yang banyak.

Awang Abdul Razak juga telah menyampaikan hadiah2.

Keputusan penoh peraduan tersebut ada-lah seperti berikut:-

Bahagian sekolah2 rendah — johan Sekolah Melayu Benutan, Tutong; dan naib johan Sekolah Melayu Amar Pahlawan semantara dalam bahagian sekolah2 menengah — johan Sekolah Menengah Melayu SMJA, Bandar Seri Begawan dan naib johan Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong.

Perserta yang terbaik bagi sekolah2 menengah ia-lah Dayang Rahimah binte Ahmad dari Sekolah Menengah Melayu SMJA dan bahagian sekolah2 rendah ia-lah Awang Libau bin Manai dari Sekolah Melayu Benutan, Tutong.

Jin mempunyai kebolehan untuk menyamar dan menyerupai manusia menurut rupa dan jaya manusia tertentu yang mereka mahu, begitu juga di-dalam berbagai2 bentuk makhlok2 yang lain. Mereka telah menyamar sa-bagai askar2 Nabi Sulaiman seperti yang di-sebutkan oleh Al-Quran yang bermaksud:

"Dan di-kumpulkan untuk Nabi Sulaiman tentera2 terdiri dari bangsa manusia, jin dan burung, mereka berbaris dengan terator".

Sa-tengah2 manusia ada yang chuba berhubung dengan jin2 dengan tujuan mempergunakan mereka, malahan meminta perlindungan serta mematohi mereka seperti yang di-sebutkan oleh Al-Quran yang bermaksud:

"Dan sesungguhnya ada beberapa orang dari manusia meminta perlindungan kepada beberapa orang dari jin, tetapi jin menjadikan mereka bertambah sesat".

Dengan keterangan ayat ini jelas-lah kepada kita bahawa jin tidak berdaya memberi sa-barang perlindungan kepada kita malahan akan menambah bahaya, kesusahan dan kesulitan.

Oleh yang demikian di-zaman sains dan teknologi serta zaman pembangunan ini tidak-lah ada faedah-nya mengheboh2kan soal hantu kerana soal itu tentu-lah tidak memberi sa-barang faedah dan berguna kepada kita apa lagi segala iblis, shaitan atau hantu jembalang itu tidak lebeh dari makhlok2 Tuhan yang hanya berusaha untuk menggoda dan menyesatkan manusia.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 5hb. September, hingga ka-hari Selasa 11 hb. September, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
5hb. Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13	
6hb. Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12	
7hb. Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12	
8hb. Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12	
9hb. Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12	
10hb. Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12	
11hb. Sept.	12-22	3-38	6-26	7-39	4-39	4-54	6-11	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei pada minggu lalu.

Hadiah2 yang berupa pakaian, buku2 dan wang tunai ada-lah dikeluarkan dari kutipan zakat dan fitrah.

Awang Haji Mohamed Tahir berkata, hadiah2 seperti itu akan di-berikan dari satu masa ka-satu masa kepada mana2 orang yang baru memelok agama Islam mulai dari 30hb. Julai tahun ini.

Turut menyaksikan penyampaian hadiah2 di-majlis itu ia-lah Setiausaha Penerangan dan Tabligh, Awang Haji Metussin bin Haji Ibrahim dan pegawai2 dari Majlis Ugama Islam.



(5hb. September, 1973).

PERTANIAN.

PENGARAH Pertanian baru2 ini telah membuat se-ruan kepada kaum tani di-negeri ini supaya memberi tahu Pegawai2 Pertanian yang ada di-kawasan masing2 mengenai kesulitan2 mereka terhadap masalah pertanian dan ternakan.

Meskipun Jabatan Pertanian telah ujud dan sekarang telah memperluaskan kegiatan-nya, tentu banyak yang masih kurang memahami tentang tugas dan peranan jabatan itu kepada kaum tani, malah ada setengah-nya masih mengang-gap bahawa jabatan itu hanya merupakan sa-buah jabatan Pentadbiran kepada chawangan-nya di-merata daerah sa-mata2 untuk tujuan2 perhubungan dan penyelidekan.

Sabener-nya, apa yang harus di-ketahui sa-chara mendalam bahawa Steshen2 Pertanian yang ada di-daerah2 pendalaman merupakan satu usaha khusus untuk kaum tani mempelajari, bertanya, meminta nasihat dan mencontohi chara2 pertanian moden.

Jabatan Pertanian bukan saja memberikan tunjok ajar baha-kan memberikan segala kemudahan2 dan bantuan2 yang di-perlukan yang di-fikirkan munasabah semata2 untuk kemajuan kaum tani.

Peluang2 yang baik seperti ini haruslah di-gunakan kerana meskipun kita memandang berchuchok tanam merupakan perkara yang paling mudah di-laksanakan, umpama chempakan saja bijeh benih ia akan tumbuh dan tetap mengeluarkan hasil.

Tetapi pada dasar-nya haruslah di-ingat, apa-kah hasil yang di-dapati itu benar2 berekonomi, hasil yang memuaskan, hasil yang boleh menjamin kehidupan jangka panjang sa-bagai kaum tani atau pun ha-nya hobby untuk mengisikan masa lapang.

Persatuan Peladang yang ujud beberapa tahun lalu yang juga di-dukung oleh pegawai2 dari Jabatan Pertanian bertujuan semata2 untuk lebih merapatkan lagi antara kaum tani supaya kedua2-nya dapat berhubung rapat antara satu dengan lain dan dapat pula menyalurkan pengajaran2 yang berguna untuk ahli2 Persatuan Peladang yang harus di-amalkan dengan mengenapkan chara2 berchuchok tanam yang lama.

Menyadari tentang perkara ini, pembentukan Persatuan Peladang telah mendapat sambutan baik sa-hingga sekarang telah banyak mempunyai ahli di-semua daerah dan ia-nya juga merupakan satu tenaga yang kuat dan bersemangat untuk berusaha.

Kejayaan ini sedikit demi sedikit terbokti apabila kaum tani sa-chara langsung menjual hasil tanaman mereka ka-Tamu atau Pasar Minggu dan merupakan jualan2 yang laris.

Dalam pada itu pun Pengarah Pertanian tidak putus2 mengharapkan supaya kaum tani tidak akan berasa jemu untuk terus berhubung dengan Pegawai2 di-Jabatan Pertanian mengenai apa juga masalah mereka dan Jabatan Pertanian akan memberi apa jua pertolongan yang terdada.

Pengertian

Saya tidak akan membuat pengertian istilah **Belia**, di-sebabkan para belia sendiri lebih2 mengetahui-nya. Buat-lah pengertian sendiri. Chukop-lah dengan mengatakan yang kaum belia, sa-kumpulan masyarakat yang ber dunia sendiri; beridentiti sendiri. Hajat saya ha-nya untuk membuat permissahan sa-chara horizontal, ia-itu perantaraan di-antara dua kaum yang kedua2-nya juga mempunyai akar umbi-nya sendiri. Wa-au pun sa-chara teoritikal ketiga2 kaum masyarakat itu tadi mempunyai teras akar umbi-nya sendiri tetapi sa-chara ventikal akar umbi itu satu saja, teras bulian-nya itu di-kongkrit lagi apabila datang ka-peringkat belia, dan seterusnya peringkat ketiga. Kekabaran pengertian belia itu terdapat di-peringkat transisi, ia-itu apabila mereka terlepas daripada Bandar Seri Begawan kaum kanak2 dan masuk ka-Kampung Pelambayan dunia kaum tua.

Sangat-lah perlu kita mencapai satu pemahaman yang sama bagi perkataan "masyarakat" dan "pembangunan masyarakat" kerana perkataan ini membawa pengertian berlainan kepada orang yang berlainan. Bagi sa-tengah2 orang, perkataan "masyarakat" itu menunjukkan kepentingan2 agama yang sama. Bagi orang2 lain perkataan itu bererti satu kebudayaan dan sifat adab yang sama. Bagi orang2 lain pula perkataan itu bermaksud milek kehidupan ekonomi yang sama. Di-pandang dari segi sociologi, "masyarakat" ia-lah kehidupan mak-hlok yang sama yang pada hakikat-nya di-padu dari dalam, sa-chara aktif, sa-chara sendiri-nya dan sa-chara bebas (di-bawah sharat2 yang di-tentukan oleh undang2 yang mereka buat) menghubungkan mereka sendiri dengan satu masyarakat yang lain, menyatukan mereka ka-dalam satu jalinan kesatuan masyarakat yang kompleks. Istilah "pembangunan masyarakat" telah di-gunakan sa-chara meluas (di-lapangan antarabangsa) untuk memberi erti proses yang mana usaha2 raayat sendiri di-sekutukan dengan usaha2 kerajaan untuk memperbaiki keadaan ekonomi, sosial dan kebudayaan masyarakat, untuk menyatupadukan masyarakat ini dalam kehidupan negara, dan untuk membolehkan mereka menyumbangkan sapenoh-nya terhadap kemajuan negara. Dari itu, proses ini terdiri daripada dua unsur penting; penyertaan raayat sendiri dalam usaha untuk memperbaiki taraf hidup mereka dengan kepercayaan saboleh2-nya atas daya usaha mereka sendiri; dan mengadakan perkhidmatan2 teknikal dan lain2 dalam chara yang menggalakkan daya usaha, pertolongan sendiri dan saling pertolongan dan menjadikan perkhidmatan2 ini lebih berkesan.

Dari pengertian di-atas ada dua element yang mustahak dalam pengertian pembangunan masyarakat itu:

- (1) penyertaan raayat sendiri dalam usaha untuk memperbaiki taraf hidup mereka.
- (2) daya usaha kerajaan bagi agent membantu di-bidang teknikal, bidang2 "know-how" dan aspek2 lain di-mana satu masyarakat itu tidak mampu menyelesaikan masalah di-hadapi mereka.

Konsep pembangunan masyarakat ini boleh-lah di-eritikan di-Brunei sa-bagai "puchang memuchang", tetapi pengertian ini ha-nya menyentuh bagi pertama dari dua faktor penting di-atas. Di-lapangan pelaksanaan pula faktor pertama ia-itu di-kontek tajok ini

BELIA DAN PEMBANGUNAN MASHARAKAT

RENCHANA yang bertajok **BELIA DAN PEMBANGUNAN MASHARAKAT** yang di-tulis oleh Awang Ahmad bin Haji Jumat B.A. (Mal.) M. Ed. (Alb.) adalah salah satu kertas kerja yang di-bincangkan dalam Seminar Belia yang di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei sa-lama dua hari dalam bulan lepas.

penyertaan belia sendiri dalam usaha untuk memperbaiki taraf hidup mereka, dan memberi sum-bangan, memberi "leadership", kepada kedua2 kaum masyarakat di-nyatakan tadi. Faktor ini juga mustahak kerana tanpa daya usaha satu masyarakat itu semua ran-changan kerajaan itu walau pun begitu gagah akan sia2 saja, jika nilai2 masyarakat untuk mening-gikan taraf hidup mereka itu mesti kukuh terlebih dahulu dan tim-bul dari mereka sendiri. Dari itu nilai2 tradisi kita yang berisi sa-perti "puchang memuchang" dan "padian" mesti di-ungkit sa-mula bagi mengubah rendah diri, di-kalangan para belia sendiri.

Tujuan2 (objectives)

Ada tiga tujuan2 Rancangan Pembangunan Masyarakat itu:

- a) Usaha Perang Urat Saraf (Psychological War) untuk mewujudkan rasa ta'at setia atau "esprit de corps" terhadap negeri ini sa-bagai satu yunit bangsa dan negara serta chita2 yang di-dukung-nya.
- b) Usaha mewujudkan dan menghidupkan kembali unsur2 produktif di-kalangan anggota2 masyarakat dan penyertaan aktif mereka dalam sa-tiap pembangunan ma-

buntu jika keadaan belia sekarang dapat di-warna warnikan oleh pe-hak yang tidak bertanggung-jawab. Kita ambil satu contoh: meng-atam padi dan banyak lagi chon-toh lain. Konsep puchang memuchang — memuchang di-kalangan masyarakat kita, sama ada yang tinggal di-kampung ayer atau di-darat konsep yang tidak mengandungi unsur2 upah sa-mata2 untok kebajikan sudah di-kubur mereka atau dalam perjalanan ka-tana perkuburan. Sa-tengah belia kita berpendapat perkara ini sudah di-pasang papan kenyataan "OUT". Perkara2 seperti ini mesti di-selideki terlebih dahulu; apa-kah yang membawa untok positif ini "OUT" sekarang. Saya ini memetik dari artikel di-tulis oleh Dr. A. Zakri, berbunyi:

"many social-scientists believe that the process of urbanization tends to destroy tradition; social and religious values. Urban community according to them would emerge as a non-traditional, less religious and individualistic society".

Di-bawah merupakan hasil penyelidekan oleh Pejabat Buroh terhadap kaum belia di-Brunei ini. Awang2 dan Dayang2 boleh membaca perangkaan tersebut.

Age group 20-29	Malays			Others		
	M	F	T	M	F	T
Total population	6,013	6,282	12,295	6,487	3,530	10,017
%	(100)	(100)	(100)	(100)	(100)	(100)
Economically active (excluding unemployed)	5,114	1,231	6,345	6,056	1,321	7,377
(%)	(85.0)	(19.6)	(51.7)	(37.5)	(73.0)	(73.0)
Unemployed	125	114	392	87	67	154
(%)	(2.1)	(1.3)	(1.9)	(1.3)	(1.9)	(1.5)
Not economically active	774	4,937	5,711	344	2,142	2,486
(%)	(12.9)	(78.6)	(5.5)	(5.5)	(60.6)	(25.5)

sharakat. Tujuan akhir-nya ia-lah untuk menjadikan sa-tiap anggota masyarakat itu sa-bagai asset dan bukan-nya liability kepada negara.

- c) Usaha Kerajaan sa-bagai agent yang aktif dalam bidang dasar, teknikal "know-how", pengurusan, permodalan dan perundingan.

Penyelidekan (penyiasatan) keadaan.

Pada tiap2 satu pekerjaan yang kita buat kita mesti mempunyai tujuan, sa-lepas itu apabila memikirkan untuk melaksanakan perkara tersebut kita mesti tahu di-mana kita berada. Jadi-nya penyelidekan mesti di-adakan terhadap masalah2; problem2 belia kita masa ini. Tujuan besar penyelidekan ini ada-lah untuk mengetahui kekurangan2 dan sifat2 kelebihan belia2 juga untuk melihat lebih jelas sifat positif mereka. Perkara yang tidak boleh di-nafikan, terutama di-negeri kita ini Rancangan Pembangunan masyarakat itu akan banyak menghadapi jalan

Penyelidekan2 seperti ini mesti di-banyakkan untuk memberi gambaran2 yang jelas terhadap imege belia, kemunduran dan kemajuan-nya.

Sikap2 Belia dalam Pemanbangan Masyarakat.

Dalam melaksanakan dasar2 kerajaan untuk mengubah structure sosial dari segi tradisional ka-arrah satu masyarakat perindustrian sifat2 belia2 yang positif dan konstruktif perlu di-amanati oleh tiap2 para belia di-negeri ini. Sifat2 sa-seorang individu yang dinamis yang di-perlukan oleh negara dalam proses pembangunan yang pesat ini ada-lah meliputi segala2 — chiri2 peribadi, sikap dan pandangan hidup yang sentiasa dapat berubah, jika perlu, mengikut fikiran yang logik untuk menyesuaikan diri dengan keperluan peranan-nya dalam masyarakat. Sifat2 belia2 yang di-panggil sifat yang dinamis, yang saya petik daripada artikel berbunyi:

(Lihat muka 5)

Belia2 mesti bergiat dalam pembangunan masharakat

(Dari muka 4)

*pada pendapat saya, boleh di-bahagikan kepada 4 huraian.

- (1) Kesedaran diri (self-realisation)
- (2) Perhubungan manusia (human-relationship)
- (3) Kecekapan ekonomi (economic-efficiency)
- (4) Tanggong-jawab umum (public responsibility)

*(Belia dan latehan Dalam Proses pembangunan — Abdul Wahab Alwi — 1969).

Sifat2 di-atas ada-lah basic di-amanati oleh para belia kerana perkembangan sosial, memerlukan ahli2 masharakat dan khasnya belia2 yang terlatih dan juga bersifat kenegaraan di-mana dia menatap untuk menjalankan peranan dalam menambah lagi pengeluaran negara. Belia2 hendaklah mempunyai hasrat untuk mencapai matalamat yang tinggi.

Belia2 hendaklah mempunyai hasrat untuk mencapai matalamat yang tinggi. Kerajaan ha-nya dapat memberi kemudahan2 sahaja tetapi tujuan asas kemudahan2 ini ia-lah untuk memupok perasaan tanggung-jawab atau "to include the social responsibility of every youth who are the recipients of government facilities". Ada-lah di-dapati bahawa banyak anak2 muda kita pada masa ini, beroleh kemudahan2 dan keistiwaaan2 serta keutamaan yang di-beri oleh Kerajaan tidak lagi mempunyai sikap bersemangat untuk memajukan diri sendiri dan masharakat sa-keiling. Mereka menganggap bahawa mereka ada sentiasa mendapat kemudahan dan keutamaan ini oleh kerana kurangnya chabaran dan tentangan, maka daya usaha untuk mencapai hasrat tidak-lah begitu mendesak di-satengah2 perengkat muda-mudi masa ini. Jikalau matalamat hidup yang lebih tinggi digunakan lah kemudahan yang di-beri, dengan memberi pandangan yang kritis dan konstruktif.

Sikap yang di-nyatakan di-bawah ini perlu di-kaji balek oleh para belia:-

*"to a tendency for the young people of Brunei to prefer employment with the Government (with its regular hours and security of leisure). The result can be seen from the following statistics of employment under government".

Employment	Citizens	Permanent Residents	Temporary Residents	Total Employment
Government	12,213	325	819	13,357
Private Sector	2,090	2,912	9,287	14,289
Total :	14,303	3,237	10,106	27,646

*(Labour Department Employment Survey, 30th. June, 1972.)

Pelaksanaan.

Saya rasa ada dua front untuk perhatian kita dalam soal Pembangunan Masharakat ini:-

(1) Kampong level. (Rural area)

- (a) membersihkan sungai, tali ayer dan jalan2 kecil.
- (b) membuat rumah.
- (c) bersawah.
- (d) membersehhkan kuboran.

(e) pekerjaan2 yang lain di-usahakan di-kampong.

(f) mendirikan mesjid.

Di-peringkat ini ada dua pehak yang "puchang memuchang" ada-lah di-antara satu famili dengan famili lain. Champor tangan kerajaan hanya-lah jika tugas2 di-atas tidak boleh di-kendalikan oleh masharakat itu, saya fikir approach ini bukan-lah untuk memberi arahan2 atau membuat ranchangan2 kerajaan yang di-luar "adat resani" dan hendak satu masharakat itu, akibatnya nanti projek2 itu di-salah gunakan; atau projek itu tidak di-bunakkan dengan sapenoh2-nya.

(2) Urban level.

(a) **Perumahan:** telah di-utamakan dalam ranchangan tahun 1962 — 1966, telah berjaya dalam "scheme housing loan" oleh pegawai kerajaan sahaja, tetapi kurang berjaya dalam scheme perpindahan dan orang2 rendah gaji yang bukan pegawai kerajaan. Perkara ini patut di-kaji sa-mula. Badan private mesti-lah memberi sumbangan yang memuaskan untuk meringankan beban bagi menyelesaikan masa'alah permulaan ini.

(b) Urban development.

Hal ini di-tinjau di-segi "unemployment" dan bagi raayat yang terchir terutama sa-kali di-Bandar Seri Begawan dan Seria/Kuala Belait.

(i) scheme untuk unemployed.

(ii) scheme untuk social workers dan leadership training.

(c) Welfare institution.

Sekolah2 atau instituti orang2 lemah anggota, buat atau bagi orang2 mentally and/or physically retarded.

(d) Community services yang tidak termasuk di-atas.

(i) children playgrounds. (taman kanak2.)

(ii) perhentian bus di-jalan besar Tutong/Bandar Seri Begawan; Muara/Brunei.

(iii) padang bermain. untuk belia dan orang dewasa.

Negeri Brunei juga tidak ketinggalan di-hinggapi oleh proses urbanisasi ini atau yang di-katakan "kemajuan" itu. Perasaan berpu-chang-puchang di-antara satu famili dengan lain sudah kurang di-praktikkan, jadi konsep puchang memuchang di-antara sa-golongan masharakat dengan kerajaan patut

di-perluaskan terutama sekali di-kampong2. Misal-nya dalam hal membuat perigi; kerajaan mengadakan perkakas2-nya, tetapi orang2 kampong dengan tidak mengharap upah seperti gaji memasang perkakas2 itu, seperti ranchangan Pejabat Pegawai Daerah berapa tahun sudah2. Satu pada asas-nya, pelajaran ini telah menolong bertindak sa-bagai satu saloran perhubungan atau dailog antara raayat dengan kerajaan Pembangunan Masharakat ada-lah satu pendekatan yang mustahak dan dinamik bagi memajukan pucha2 tenaga manusia bagi kemajuan negara. Tiap2 negeri nampaknya menerima idea pembangunan masharakat dan menyatukan-nya ka-dalam dasar negara-nya. Meskipun jika negeri itu tidak mempunyai jabatan pembangunan masharakat-nya yang tertentu. Tiap2 negeri menyedari tentang kepentingan dan keperluan menyelaskan perkhidmatan2 teknik-nya dan menggunakan pendekatan pembangunan masharakat. Ada-lah di-sedari bahawa projek kemajuan tidak akan dapat di-selenggarakan sapenoh-nya dengan hanya sa-buah jabatan sahaja yang bertindak. Keperluan untuk mengim-bangi kemajuan ekonomi dan sosial umum-nya telah di-sedari dan membawa kepada pemakaian pendekatan2 yang berlainan untuk memajukan pucha2 tenaga manusia termasuk mendecentralisasi dan menginsititulasikan kerajaan tempatan. Pembangunan masharakat bandar dan luar bandar hendaklah berjalan serentak antara satu dengan yang satu lagi. Kepentingan melateh dan menyelidiki lapangan pembangunan masharakat bagi memperoleh peng-alaman yang luas dan peringkat ranchangan kemajuan yang lebih baik hendaklah di-sedari sa-penoh-nya. Sangat-lah perlu sekarang melatih sa-chara profesional peranchang2. Pembuat2 dasar dan pentadbir2 yang layak dalam pembangunan masharakat. Pelancharan pembangunan yang "balance" sa-imbang di-antara bandar dan kampong mesti di-laksanakan bagi mengelakkan supaya gejala buroh2 di-bandar dapat di-awasi.

Saya mengakui masa'alah orang2 Melayu, atau kelemahan orang2 Melayu, ada-lah masa'alah2 ekonomi dan pelajaran dan jika langkah2 untuk menaikkan taraf hidup mereka; mereka mesti sanggup "to sweet and toil for improvement" kalau tidak ada-lah sumbang untuk bagi menunggu rahmat dari kerajaan atau pun "to expect others to come to their assistance". Tetapi kalau di-selidiki dengan teliti masa'alah masharakat kita terlalu rumit untuk di-selesaikan oleh mereka sendiri sebab-nya "of the inherent problems they face". Di-sini-lah dimana kerajaan, dengan menyedari dan mengetahui masa'alah2 tersebut mesti-lah menjalankan policy yang decisive dan concrete. Ada-lah juga di-harapkan masharakat maju mesti menolong dengan sa-chara tidak langsung bagi kebahagiaan di-semua golongan raayat Brunei.

Kita di-Brunei tidak ada mempunyai badan institusional atau (statutory body) yang dapat menyelenggarakan pekerjaan semua jabatan2 teknik, memulakan programs baru dan membuat dasar2/prinsip panduan bagi pembangunan masharakat atau bagi pembangunan jangka panjang masharakat. Kita mustahak mempunyai satu jangka panjang masharakat. Kita mustahak mempunyai satu jawatankuasa Kebangsaan bagi

Pembangunan Masharakat, yang merupakan satu badan penasihat. Dari itu saya menshorkan penubuhan satu jawatankuasa pembangunan masharakat, kebangsaan, pelbagai-jabatan berkanun, yang boleh juga terdiri daripada orang2 persendirian atau badan2 sukarela. Jawatankuasa ini hendaklah mempunyai kuasa membuat dasar2 dan programs dan menyelenggarakan usaha2 jabatan untuk mencapai tujuan ini. Kita patut-lah mempunyai pusat untuk melateh pekerja2 yang profesional dalam pembangunan masharakat dan juga untuk menyelidiki atau meranchang program2 pembangunan masharakat. Dengan bantuan ECAFE, kita mesti meranchangan satu projek bagi menubuhkan satu akademi kebangsaan seperti itu dan berharap untuk memperoleh bantuan teknik dan kewangan antarabangsa untuk menjayakan-nya. Satu ranchangan pembangunan masharakat dan sosial yang berpandangan luas hendaklah di-persatukan dalam ranchangan kemajuan ekonomi negeri.

Kesimpulan.

Khusus dengan keadaan Brunei sekarang, saya berpendapat walaupun betapa elok sa-kali sa-suatu ranchangan itu kalau anggota2 masharakat Brunei khusus-nya belia2 masih mensifatkan diri mereka sa-bagai "penumpang" atau pemerhati" terhadap sa-suatu ranchangan itu maka ranchangan tersebut tidak dapat di-katakan berjaya dalam pengertian-nya yang sa-benar. Sifat2 "pemerhati" di-anuti oleh para-belia mesti-lah "OUT" sekarang. Para belia mesti bertanggung-jawab untuk ikut champor dalam sa-tiap kegiatan pembangunan masharakat. Untuk maksud ini langkah2 seperti berikut patut di-jalankan oleh pehak2 yang berkenaan:

(a) Alat2 Sibaran 'Am Kerajaan:

Jabatan Penyiaran dan penerangan meranchang kampen2 yang intensif dan meluas untuk mewujudkan satu masharakat yang aktif dan bertanggung-jawab terhadap negeri-nya. Untuk maksud ini pegawai2 yang benar2 bertanggung-jawab dan tahu akan selok belok penyiaran ada-lah di-perluankan.

(b) Sekolah2 dan Maktab2:

Mata-pelajaran tatara'ayat mengenai matalamat "Bruneianization" patut di-tekan-kan, bukan sa-kadar di-bilek darjah tetapi juga mengamalkan-nya dalam kegiatan2 di-luar bilek darjah.

(c) Kampen 'Am:

Kampen2 peringkat Kampong dan Mukim, Daerah dan Kebangsaan dalam bentuk kursus, seminar, forum dan sa-bagai-nya dari sa-masa ka-samasa oleh jabatan2 Kerajaan yang berkenaan. Minal-nya, Pejabat2 Daerah dapat menganjurkan kursus untuk Ketua2 Kampong kaedah2 pentadbiran dan hubong-nya dengan penduduk2 luar bandar.

Untuk mencapai matalamat ini belia2 dan anggota2 masharakat lain mesti-lah betul2 di-yakinkan yang mereka itu benar2 mustahak dan di-kehendaki untuk ikut champor dalam satu2 ranchangan pembangunan.

Note: Kertas ini ada-lah sa-bagai selera perbincangan saja; bukan satu buah fikiran dari semua ahli2.

PASOKAN PERKASA MENJADI JOHAN SEPAK TAKRAW

BANDAR SERI BEGAWAN. Persatuan PERKASA Satu telah munchol sa-bagai johan sa-telah mengalahkan Persatuan PERKASA Dua dalam perlawanan Sepak Takraw peringkat akhir anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang berlangsung di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Naib-johan jatuh kepada Persatuan PERKASA Dua dan tempat ketiga di-menangi oleh pasukan Bintang Timor (Kubu) dan Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling.

Perlawanan Sepak Raga Bulatan, johan di-menangi oleh Persatuan PERKASA yang mendapat 229 mata, Naib-johan di-menangi oleh Persatuan Pedoman yang mendapat 89 mata dan tempat ketiga di-menangi oleh pasukan Bintang Timor yang mendapat 83 mata.

Sementara itu, dalam perlawanan ping-pong perseorangan terbuka kepada orang2 Melayu Brunei, johan di-menangi oleh Awang Mohamed Yakub bin Tengah dan Naib-johan di-menangi oleh Awg. Mohamed Yusof bin Tahir.

Bahagian Bergu, johan di-menangi oleh pasangan Awang Mohamed Yusof bin Tahir dan Awg. Othman bin Salleh, naib-johan di-menangi oleh pasangan Awang Mohamed Yakub bin Tengah dan Awang Ibrahim bin Haji Sabli.

Hadih2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman.

Perlawanan itu di-adakan sa-bahagian dari acara kerana menyambut Puja Usia yang Ke-27 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

SEBELAS dari 12 orang yang telah menamatkan kursus pengadil bola sepak telah menerima sijil2 mereka baru2 ini.

Sijil2 tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain di-satu majlis penyampaian di-bilik kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Gambar bawah menunjukkan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Udana Laila bergambar dengan penerima2 sijil2 tersebut.



\$129,500.00 di-bayar untuk perkhidmatan penchen2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Penchen2 Negara telah membayar sa-jumlah \$129,500.00 bagi perkhidmatan kebajikan penchen2 negara seluruh negeri bagi bulan Ogos yang lalu.

Menurut penyata pembayaran kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen2 menunjukkan sa-banyak \$123,775.00 di-bayar bagi penchen umur tua; \$4,850.00 bagi penchen orang2 buta serta tanggungan mereka dan \$875.00 bagi alaoon orang2 tanggungan penyakit kusta dan gila.

Berikut ia-lah penyata pembayaran kasar perkhidmatan kebajikan penchen2 bagi bulan Ogos yang lalu.

PENCHEN UMOR TUA

Daerah Brunei dan	
dan Muara	\$ 68,975.00
Daerah Belait	23,425.00
Daerah Tutong	24,975.00
Daerah Temburong	6,400.00
Jumlah:	123,775.00

PENCHEN ORANG2 BUTA SERTA TANGGONGAN-NYA

Daerah Brunei dan	
Muara	\$ 3,000.00
Daerah Belait	550.00
Daerah Tutong	1,075.00
Daerah Temburong	225.00
Jumlah:	4,850.00

ALAOON ORANG2 TANGGONG PENYAKIT KUSTA DAN GILA

Daerah Brunei dan	
Muara	\$ 612.50
Daerah Belait	200.00
Daerah Tutong	62.50
Daerah Temburong	—
Jumlah:	875.00

Y.A.M. Pengiran Setia Jaya Pengiran Hj. Abd. Momin menyampaikan perisai kejohanan sepak raga bulatan kepada ketua pasukan PERKASA, Awang Haidin @ Jali bin Munap.

JOHAN PING PONG



Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya menyampaikan oskar kepada Ag. Md. Yakub bin Tengah yang telah berjaya menjadi johan dalam perlawanan pingpong bagi orang2 Melayu anjoran PGGMB. Manakala gambar bawah menunjukkan pemain2 sepak takraw pasukan PERKASA yang berjaya menjadi johan dan naib-johan bergambar dengan perisai2 dan piala2 kemenangan mereka.



Tarikh penutup di-tunda kpd 15hb Sept.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tarikh penutup perlawanan badminton anjoran Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan di-lanjutkan lagi sehingga 15hb. September ini.

Setia Usaha perlawanan, Awg. Zainal bin Hussain menerangkan, tujuan di-lanjutkan tarikh penutup menerima borang2 perlawanan itu ia-lah supaya leboh ramai lagi peserta2 akan mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Perlawanan sa-chara kalah mati itu, terbuka kepada lelaki dan wanita di-seluruh negeri dan juga kepada pendatang2 yang tinggal di-Brunei tidak kurang dari enam bulan sa-belum tarikh perlawanan di-jalankan.

Bahagian perseorangan lelaki dan wanita di-kenakan bayaran sa-banyak \$1.00, persaorangan tua lelaki di-kenakan \$1.00, bergu lelaki dan wanita masing2 di-kenakan \$2.00, bergu orang tua lelaki \$2.00 dan bergu champoran \$3.00.

Perlawanan tersebut akan di-jalankan sa-lama tiga hari mulai

21hb. September bertempat di-Dewan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan mulai jam 8.00 pagi.

Borang2 memasoki perlawanan itu sekarang boleh di-dapati dari Awang Zainal bin Hussain dan Awang Emran bin Haji Hassan, kedua2-nya di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.

Keterangan2 di-kehendaki

SEMUA pemilek2 Taman Asohan Kanak2 Private hendak-lah memberikan keterangan2 kepada Pemangku Pengarah Pelajaran Brunei.

Mereka hendak-lah memberikan nama dan alamat pemilek, nama dan alamat sekolah atau taman asohan, nama dan alamat guru2, kelayakan guru2, waktu sekolah di-buka dan di-tutup pada tiap2 hari, bahasa penyampaian, bilangan dan umur murid2 asohan dan bayaran yang di-kenakan sa-bulan.

Keterangan2 itu hendak-lah di-hantar tidak lewat dari 10hb. September ini.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI PEGAWAI BOMBA KADET

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Pegawai Bomba Kadet di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah sebaik2-nya terdiri Pegawai2 yang sedang berkhidmat di-dalam salah satu daripada Perkhidmatan Beruniform Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan mempunyai pengalaman mengawal anggota2 perkhidmatan tersebut di-bawah

keadaan yang berdisiplin. Sa-lain dari itu pemohon2 hendak-lah lulus perengkat 'O' dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Ilmu Hisab dan Sains 'Am atau Fiziks. Jawatan ini memerlukan pemohon2 boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris dengan baik oleh kerana latehan dan pe-pereksaan2 akan di-jalankan dalam Bahasa Inggeris. Mesti-lah sehat dan berbadan tegap.

'AM:

Chalun yang terpilih di-kehendaki menjalani kursus2 latehan yang mana sa-bahagian daripadanya ada-lah di-seberang laut. La-

tehan keseluruhan-nya akan memakan masa sa-hingga tiga tahun dan sa-lepas berjaya menamatkan latehan ini chalun yang terpilih itu akan layak untuk di-lantek sa-bagai Timbalan Ketua Pegawai Bomba dan berpeluang untuk menjadi Ketua Pegawai Bomba akhir-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji Pr. 6 — \$460 — 700. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 hendak-lah di-buat dalam dua salinan borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-hantar melalui Ketua Jabatan atau Pasokan Beruniform, dan Ketua Jabatan atau Pasokan Beruniform itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan itu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap. Tarikh Penutup: 2hb. Oktober, 1973.

Sa-bagai Tukang

Kebun

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Tukang Kebun di-Pejabat Daerah, Tutong.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam Daerah ini.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur antara 18 dan 30 tahun dan tahu menulis dan membaca.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.1. EB. 2 — \$180x5-195/EB/200x5-215.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 15hb. Oktober, 1973.

Sa-bagai Pembantu Teknik Rendah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pembantu Teknik Rendah di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman sa-lama sekurang2-nya satu tahun sa-bagai jurugagas atau mekanik.
- Keutamaan akan di-beri kepada chalun2 yang mempunyai Sijil City and Guilds atau telah lulus sesuatu Ujian Pertukangan yang di-iktiraf.

Tugas2:

Untuk memberse, memelihara dan memperbaiki alat2 kelengkapan, membantu untuk menyediakan bahan2 untuk latehan2 penuntut dan membuat tugas2 lain menurut arahan Pengetua sekolah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB. 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 1hb. Oktober, 1973.

Penghantar Saman

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penghantar Saman di-Pejabat Kadzi Daerah Tutong, Jabatan Hal Ehwal Uga-ma, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 17 dan 30 tahun.
 - Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VII Melayu.
- Keutamaan akan di-beri kepada orang2 yang tinggal di-Daerah Tutong.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB. 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 1hb. Oktober, 1973.

Pegawai Luar, Pejabat Daerah Belait

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pegawai Luar di-Pejabat Daerah, Belait.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya. Mereka hendak-lah mengetahui sa-banyak sedikit mengenai kampung2 di-pendalaman dan sanggup untuk bertugas di-kawasan2 pendalaman.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyer-

Penjaga Asrama Jururawat

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan Penjaga Asrama Jururawat Kerajaan, Rumah Sakit Suri Seri Begawan Kuala Belait, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya lulus Form III Inggeris dan keutamaan akan di-beri kepada perempuan2 yang maseh bujang.
- Umur — mesti-lah lebeh daripada 35 tahun.

Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam hal mengurus sa-buah asrama dan mempunyai pengalaman dalam kerja menguruskannya makanan bagi kaki tangan.

Tugas2:

Mengawasi kaki-tangan2 yang menginap di-asrama dan menguruskannya makanan bagi lebeh kurang 60 orang.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5 — \$410x20-510-540x20-660/EB/690x20-750. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkantrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti

atau di-buang kerja.

Sharat2 lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkantrek sa-lama 3 tahun termasuk masa percutiannya sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh percutiannya.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei. Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 11hb. Oktober, 1973.

Sa-bagai Pengarang

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pengarang di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.
- Mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang baik.
- Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam hal mengarang buku.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$710x30-950. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan Laporan2 Sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb. September, 1973.

**MENDERMA-LAH
KAPADA TABONG
PEMBINAAN
STADIUM**

'Am:

Sa-telah menjalani satu tempoh perkhidmatan di-laut, chalun2 yang berjaya di-kehendaki menghadhiri kursus latehan untuk menduduki pe-pereksaan untuk mendapatkan Sijil Kecekapan. Mereka boleh di-tugaskan di-mana2 daerah di-dalam negeri.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.2 EB.3 — \$200x5-215/EB/220x5-240.

Sa-seorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam 2 salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 22hb. Oktober, 1973.



Y.A.M. Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Haji Damit menyampaikan piala kemenangan kepada johan membacah Quran peringkat Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Mashud bin Awang Damit. Gambar JHEU/BP.

Peraduan Quran Peringkat Daerah

(Dari Muka 1)

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, masharakat dan negara.

Yang Berhormat iu menyatakan bahawa antara kegiatan2 yang berkebakikan yang di-ambil oleh persatuan2 belia ia-lah memberikan pertolongan kepada mangsa2 kebakaran di-Kampong Ayer baru2 ini dan Peraduan Quran yang di-kelolakan oleh Persatuan PERKASA.

Turut juga memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Pengerusi Peraduan, Begawan Mudim Dato Paduka Haji Adnan dan Yang Di-Pertuan Persatuan PERKASA, Awang Thani bin Muhammad.

Dalam peraduan itu, Awang Hj. Mashud bin Awang Damit telah menjadi johan dalam bahagian lelaki dan Dayang Siti Hamidah binte Awang Angkat menjadi johan dalam bahagian perempuan.

Pemenang kedua dalam bahagian lelaki ia-lah Awang Mornee bin Sanai dan Awang Jalin bin Haji Mustapha mendapat tempat ketiga.

Dayang Damit bin Mohammad Yusof mendapat tempat kedua dalam bahagian perempuan dan Dayang Aisah binte Begawan Mudim Dato Paduka Haji Adnan mendapat tempat ketiga.

Awang Haji Mashud juga telah memenangi hadiah bagi pembacah Quran yang terbaik, manakala kawasan Brunei Tiga memenangi hadiah sa-bagai kawasan yang terbaik dalam peraduan tersebut.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Haji Damit bin Pengiran Anak Sabtu.

Ahli2 MMN lawat Kastam Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan Ahli2 Majlis Meshuarat yang di-ketuai oleh Jurutulis Majlis Meshuarat, Awang Judin bin Asar telah melawat Ibu Pejabat Kastam Diraja, Bandar Seri Begawan, pada hari Sabtu lepas.

Mereka telah di-sambut oleh Pengawal Kastam dan Bea, Awg. Othman Chua Kwang Soon yang juga memberikan penerangan2 berhubung dengan tugas2 dan chara bekerja pegawai2 dan kakitangan di-pejabat itu.

Rombongan itu kemudian dibawa melawat ka-tempat2 penya-taan dan bayar cukai, setor dan pengkalan penumpang.

Sa-lepas itu, mereka pergi ka-

Pelabuhan Ayer Dalam Muara dimana mereka telah melawat Pejabat Kastam, pondok transit dan gudang2 dan mereka juga di-bawa ka-tempat yang akan di-jadikan setor sejok.

Sa-panjang lawatan itu, mereka telah di-sertai oleh Pengawal Kastam dan Bea, Awang Othman Chua Kwang Soon, Timbalan Kastam dan Bea, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar dan Penasehat Kastam, Awang D. Robertson.


Pada petang-nya pula, rombongan itu telah melawat ka-Pejabat Talikom.

Setem khas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu keluaran setem khas untuk memperingati tahun ke-50 tertubuh-nya INTERPOL akan di-jual di-semua pejabat2 pos di-seluruh negeri pada hari Jumaat 7hb. September ini.

Ketua Pos Agong, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan berkata, setem2 itu berharga 50 sen dan 25 sen akan di-jual kepada orang ramai dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Beliau berkata, setem2 itu akan terus di-jual di-semua pejabat2 pos sa-lama tiga bulan atau sa-hingga stem2 itu habis dalam simpanan.



KAPAL Tentera Laut Diraja British 'H.M.S. HERMIONE' (gambar atas) akan mengadakan lawatan ka-Brunei sa-lama tiga hari dari 7hb. hingga 9hb. September.

Kapal yang berat-nya 2,200 tan itu ada-lah salah sa-buah dari kapal2 peminasa jenis 'Leander'.

Kapal tersebut di-reka untuk memburu kapal2 selam dan berkebolehan untuk menentang kapal2, terbang dan sesaran di-pantai.

Kapal H.M.S. HERMIONE akan merapat di-Pelabuhan Muara dan akan di-buka untuk lawatan orang ramai pada hari Ahad 9hb. September mulai dari jam 2.30 petang hingga 5.00 petang.

Pesta Amal untuk kutip derma mangsa2 kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Pembinaan rumah dan bantuan mangsa2 kebakaran Kampong Setia Pahlawan oleh gabungan belia2 Kampong Ayer akan mengadakan Pesta Amal di-Pang-gong Boon Pang Baharu, Bandar Seri Begawan pada 14hb. September mulai jam 2.00 petang.

Achara2 yang akan di-persembahkan dalam Pesta Amal itu ia-lah peraduan2 nyanyian Bintang Kechil dan bintang dermawan serta acara2 selingan yang menarek.

Peraduan2 tersebut ada-lah terbuka kepada seluruh penduduk di-negeri ini, lelaki dan perempuan.

Borang2 peraduan boleh-lah diperolehi dari Awangku Mohammad bin Pengiran Sarpudin, di-

Jabatan Perubatan Bahagian Pendaftaran Beranak dan Mati, Bandar Seri Begawan, Awang Mohammad Yassin bin Said di-Jabatan Kebajikan Masharakat dan Avg. Masri bin Haji Idris di-Jabatan Ukur, juga di-Bandar Seri Begawan.

Borang2 itu mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Pesta Amal, Awangku Mohammad bin Pengiran Sarpudin tidak lewat dari 6hb. September jam 4.00 petang.